

DBKL sita barang niaga halang laluan

KUALA LUMPUR - Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita barangan di 12 premis kerana menghalang laluan kawasan awam pada Selasa.

Turut terlibat ialah Tindakan Khas Pindah Halangan dan Penjaja Warga Asing Pasar Borong Kuala Lumpur itu ialah anggota Pejabat Cawangan Batu dan Pejabat Cawangan Wangsa Maju.

DBKL dalam satu kenyataan menjelaskan, tindakan di bawah Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 itu dilakukan di sekitar Jalan 2/3a dan Jalan 6/3a Pusat Bandar Utara, Selayang.

Selain itu katanya, dua tindakan sita turut diambil ke atas penjaja bukan warga negara yang menjalankan perniagaan tanpa lesen pihak berkuasa menerusi UUK 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

"Kesemua barangan dan per-



Penguat kuasa DBKL melakukan kerja-kerja menyita barangan yang menghalang laluan kawasan awam di Selayang pada Selasa.

alatan perniagaan dipindahkan ke Setor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk rekod dan simpanan sementara,"

kata kenyataan itu di Facebook.

DBKL juga akan meneruskan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan di lokasi titik panas dari semasa ke semasa.